



[Experts](#)

Mengapa Perenggan Penting dalam Penulisan?

10 March 2026

Banyak penulisan sebenarnya gagal bukan kerana kekurangan idea tetapi kerana idea tersebut tidak disusun dengan baik. Teks yang dipenuhi ayat panjang tanpa pemisahan yang jelas sering menyebabkan pembaca hilang arah sebelum memahami maksud sebenar penulis. Dalam keadaan ini, perenggan memainkan peranan penting sebagai unit asas yang mengatur aliran pemikiran dalam

sesuatu penulisan. Tanpa pemerenggan yang teratur, penulisan mudah menjadi kabur, berulang dan sukar diikuti.

Perenggan merupakan unit struktur yang menghimpunkan beberapa ayat yang berkaitan dengan satu idea utama. Dalam penulisan yang berkesan, setiap perenggan berfungsi sebagai satu unit pemikiran yang lengkap. Idea utama diperkenalkan melalui ayat topik, dihuraikan melalui ayat sokongan dan dirumuskan melalui ayat penegas. Susunan ini membantu pembaca memahami perkembangan hujah secara berperingkat dan sistematik.

Memahami Peranan Perenggan

Dalam penulisan akademik, perenggan berfungsi sebagai kerangka yang mengatur hubungan antara ayat dan idea. Setiap perenggan menandakan satu unit perbincangan yang khusus. Apabila penulis memperkenalkan perenggan baharu, pembaca akan memahami bahawa terdapat perubahan fokus atau pengembangan idea dalam penulisan tersebut.

Perenggan juga membantu penulis menyusun pemikiran secara sistematik. Tanpa pemerenggan yang jelas, teks akan kelihatan seperti blok ayat yang panjang dan padat. Keadaan ini bukan sahaja menyukarkan pembacaan, malah boleh menjejaskan kefahaman pembaca terhadap hujah yang dikemukakan.

Bagaimana Perenggan Mengatur Aliran Idea

Perenggan yang berkesan biasanya mempunyai tiga komponen utama, iaitu ayat topik, ayat sokongan dan ayat penegas.

Ayat topik berfungsi sebagai pernyataan utama yang memperkenalkan idea yang akan dihuraikan dalam perenggan. Ayat ini perlu jelas dan padat supaya pembaca dapat memahami fokus perbincangan dengan segera. Skop ayat topik juga perlu seimbang agar idea yang dibincangkan dapat dihuraikan secara mencukupi.

Ayat sokongan pula berperanan menjelaskan ayat topik melalui penjelasan lanjut, contoh, data atau ilustrasi. Semua ayat sokongan mesti mempunyai hubungan yang langsung dengan idea utama. Jika terdapat ayat yang tidak berkaitan dengan ayat topik, ayat tersebut sebenarnya tidak menyumbang kepada perbincangan dan wajar digugurkan.

Ayat penegas pula merumuskan semula inti pati perenggan dalam bentuk yang lebih ringkas. Ayat ini menandakan bahawa sesuatu idea telah dihuraikan dengan lengkap sebelum penulis beralih kepada idea seterusnya.

Kesatuan Idea dan Kelancaran Hujah

Dua ciri penting dalam pembinaan perenggan ialah kesatuan idea dan kelancaran hubungan antara ayat. Kesatuan idea bermaksud setiap perenggan hanya menumpukan satu idea utama. Semua ayat dalam perenggan tersebut perlu menyumbang kepada penghuraian idea tersebut.

Kelancaran hubungan antara ayat pula merujuk kepada susunan idea yang jelas dan logik. Ayat-ayat dalam perenggan perlu dihubungkan melalui penanda wacana yang sesuai seperti 'selain itu', 'namun demikian', atau 'oleh itu'. Penggunaan penanda wacana membantu pembaca mengikuti perkembangan hujah dengan lebih mudah.

Selain itu, pengulangan kata kunci secara terkawal juga membantu mengekalkan kesinambungan

idea dalam perenggan. Kaedah ini memastikan pembaca sentiasa dapat mengaitkan setiap ayat dengan idea utama yang sedang dibincangkan.

Hubungan Perenggan dengan Tesis Penulisan

Dalam penulisan esei atau rencana, pernyataan tesis merupakan pernyataan umum tentang perkara pokok yang akan dihuraikan dalam keseluruhan penulisan. Pernyataan ini lazimnya muncul dalam perenggan pembuka dan menjadi asas kepada keseluruhan hujah yang dibentangkan.

Setiap perenggan selepas itu berfungsi menyokong dan mengembangkan pernyataan tesis tersebut. Oleh itu, setiap perenggan perlu mempunyai ayat topik yang berkaitan secara langsung dengan tesis. Jika hubungan ini tidak jelas, keseluruhan struktur penulisan akan menjadi longgar dan sukar difahami.

Panjang Perenggan dan Keseimbangan Huraian

Tiada ketentuan yang mutlak tentang jumlah ayat dalam sesuatu perenggan. Walau bagaimanapun, perenggan yang terlalu panjang boleh membebankan pembaca kerana mengandungi terlalu banyak idea dalam satu unit teks. Sebaliknya, perenggan yang terlalu pendek pula mungkin tidak memberikan huraian yang mencukupi terhadap sesuatu idea.

Dalam amalan penulisan akademik, satu perenggan biasanya mengandungi satu ayat topik, beberapa ayat sokongan dan satu ayat penegas. Susunan ini membantu penulis mengekalkan keseimbangan antara kejelasan idea dan kedalaman huraian.

Kesalahan Lazim dalam Pemerenggan

Dalam penulisan akademik, antara kelemahan yang sering ditemui ialah kecenderungan mencampurkan beberapa idea utama dalam satu perenggan. Keadaan ini menyebabkan perbincangan menjadi tidak fokus dan sukar diikuti oleh pembaca.

Selain itu, terdapat juga penulisan yang menggunakan perenggan yang terlalu panjang tanpa pembahagian yang jelas. Teks yang terlalu padat sering menimbulkan keletihan kepada pembaca dan akhirnya menjejaskan kefahaman terhadap kandungan penulisan.

Membina Perenggan yang Kukuh

Perenggan yang kukuh bermula dengan perancangan idea yang jelas. Penulis perlu mengenal pasti idea utama yang ingin dihuraikan sebelum membina ayat topik. Selepas itu, ayat sokongan disusun secara logik bagi menghuraikan idea tersebut dengan jelas.

Langkah terakhir adalah dengan merumuskan idea tersebut melalui ayat penegas sebelum beralih kepada perenggan yang seterusnya. Gabungan perenggan yang tersusun dengan baik akhirnya membentuk penulisan yang lebih meyakinkan dan mudah difahami.

Kesimpulannya, pemerenggan yang berkesan merupakan asas kepada penulisan yang jelas dan tersusun. Melalui perenggan yang baik, penulis dapat menyusun idea secara sistematik dan mengembangkan hujah dengan lebih meyakinkan.

Perenggan bukan sekadar alat untuk memisahkan ayat tetapi merupakan unit pemikiran yang

membentuk struktur keseluruhan penulisan. Oleh itu, penulis yang ingin menghasilkan penulisan yang berkualiti perlu memberi perhatian serius terhadap pembinaan perenggan. Tanpa pemerenggan yang teratur, penulisan yang baik sekalipun boleh kehilangan kejelasan dan kekuatan hujahnya.

Rujukan

Muhammad Azli Shukri. (2026). Bengkel MAPIM Pemerenggan dalam Bab [Slaid Google]. Penerbit UMPSA.

Bailey, S. (2018). *Academic writing: A handbook for international students* (5th ed.). London: Routledge.

Awang Sariyan. (2015). *Tertib mengarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nota

Rencana ini diolah berdasarkan kandungan Kursus Penulisan Bab dalam Buku yang diadakan pada 3 Mac 2026, anjuran Pusat Pembangunan Bakat, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).



Oleh: AHMAD IBRAHIM

E-mel: ahmadbi@umpsa.edu.my

Penulis ialah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 50 views

[View PDF](#)